

Laporan Tahunan 2014

Annual Report


اَوْنُفُوسِيَّتِي تَكُونُ لَوْ كُنِي مَبَارَا



10.1.1 *Analisa Kursus Audit Dalam (KAD)*


Seperti kebiasaannya, selepas berakhirnya kursus, pihak InQKA akan mengedat borang maklumbalas kepada peserta untuk menilai keberkesanan kursus. Hasil maklumbalas akan dibuat analisa ringkas supaya InQKA dapat membuat penambahbaikan kepada mana-mana aspek yang perlu. Data yang diperolehi mendapati bahawa kursus Audit Dalam InQKA masih relevan dan menepati keperluan peserta.

Carta 4 menunjukkan tahap kefahaman peserta bagi kriteria “Prinsip Kualiti” dan “Keperluan ISO”. Kedua-dua kriteria ini penting dalam memahami piawaian ISO secara keseluruhan.



Carta 4 : Keberkesanan Kursus Audit Dalam Bagi 2 Kriteria

Carta 5 pula menunjukkan tahap kefahaman peserta mengenai kriteria audit yang digunakan sewaktu menjalankan audit dalam samada sebagai auditor atau auditee.




Carta 5 : Kefahaman Kriteria Audit

Gambar-gambar Sekitar Kursus Audit Dalaman 2014



10.2 *Kursus Kawalan Dokumen*

Kursus Kawalan Dokumen (KKD) adalah kursus satu hari yang bertujuan untuk melengkapkan diri peserta dengan pengetahuan dan cara mengawal dokumen yang berkesan mengikut piawaian ISO 9001:2008. Peserta kursus ini adalah terdiri dari Pengawal Dokumen dan Pakar Rujuk setiap PTJ. Seramai lebih kurang 86 orang peserta dari UiTM seluruh Malaysia telah menghadiri kursus ini yang berlangsung di Dewan Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam pada 1-3 Disember 2014. Lebih 75% dari peserta mengakui bahawa kursus ini telah meningkatkan pengetahuan mereka yang mana pengetahuan ini dapat digunakan dalam tugas harian bagi memenuhi objektif kursus iaitu untuk memantapkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti universiti dengan pengawalan dokumen yang betul dan berkesan. Disertakan hasil kaji selidik yang menunjukkan kesan positif Kursus Kawalan Dokumen ini terhadap peserta.



Carta 6 : Kandungan syarahan menambah pengetahuan saya



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor